



AMANAT

YANG BERUSAHA ENCIK MD RADZI BIN HASHIM

SETIAUSAHA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

SEMPENA

AMANAT TAHUN BAHARU 2023

SETIAUSAHA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

8 FEBRUARI 2023 (RABU) – 9.00 PAGI

DEWAN SERBAGUNA, ARAS 1

BLOK F9, KOMPLEKS F PUTRAJAYA

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis



**“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi
Maha Penyayang”**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha

Puan Khairiah Binti Ab Rashid

Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan)

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Yang Berusaha

Encik Ahmad Tarmizi bin Zakaria

Timbalan Setiausaha (Pengurusan)

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Barisan

Setiausaha Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

Seterusnya

Tuan-tuan dan puan-puan, Warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan sekalian.

KALIMAT PEMBUKA

(Pantun)

***Kompang Bergema Pusaka Bangsa,
Dipalu Oleh Si Anak Muda,
Kehadiran Semua Meriahkan Suasana,
Sihat Walafiat Hendaknya Sentiasa.***

Insya-Allah...

A : ALUAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

- 1. Alhamdulilah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T atas izin dan limpah rahmat-Nya memberikan kita kesempatan untuk sama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada tuan-tuan puan-puan atas kehadiran pada majlis kita pagi ini walaupun kita semua sibuk dengan urusan dan tanggungjawab harian di pejabat. Tidak dilupakan penghargaan kepada urus setia dan semua yang terlibat**

dalam penganjuran Majlis Amanat Setiausaha 2023 dan Program Wacana Ilmu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) ini. Walaupun majlis ini dijadualkan pelaksanaannya lebih awal namun akibat kekangan urusan rasmi Jabatan, majlis yang sepatutnya berlangsung pada awal Januari di tunda kepada tarikh hari ini. Tahniah atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh urus setia dalam merealisasikan majlis ini .

2. Rasanya masih belum terlambat bagi saya untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 kepada tuan-tuan dan puan-puan. Tahun 2022 melabuhkan tirai dan meninggalkan kita dengan pelbagai kenangan, cabaran serta pengalaman suka duka. Apa yang dilalui diharapkan dapat memberi pengajaran dan menjadikan kita lebih matang serta menjadi asbab untuk kita memperbaiki diri.

3. Musim peralihan monsun yang melibatkan hujan, banjir dan tanah runtuh bukan sahaja menjadi penutup tirai penghujung 2022 namun ada yang berterusan sehingga

kini. Dalam hal ini, saya menyeru agar kita semua bukan sahaja sentiasa bersiap siaga dalam menjaga kebajikan diri dan keluarga malah turut kekal fokus dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi pemegang taruh dan pelanggan tak kira apa jua situasi yang melanda.

4. Tahniah saya ucapkan kepada setiap Warga SPP yang cemerlang dalam menyempurnakan segala tugas serta peranan masing-masing meskipun dilingkari cabaran sepertikekangan disebabkan situasi pasca pandemik, mobilisasi sumber manusia, logistik dan migrasi kepada sistem serta amalan norma baharu. Saya percaya kita sudah berjaya mengatasi batasan-batasan ini pada 2022. Syabas semua diucapkan pada semua.

5. Saya juga difahamkan selepas majlis amanat ini, kita akan teruskan acara dengan Program Wacana Ilmu SPP. Kali ini kita akan bersama-sama dengan ACP A. Asmadi bin Haji Abdul Aziz daripada Ibu Pejabat Daerah (IPD) Putrajaya yang akan mengendalikan Ceramah Bijak Wang : Bahana Jerat Scammer. Program Wacana Ilmu ini

merupakan inisiatif Unit Latihan SPP dalam memberi penerangan kepada Warga SPP berkenaan isu-isu semasa yang membebani rakyat khususnya yang mempunyai literasi yang kurang berkaitan urusan kewangan dalam talian dan bagaimana cara terbaik untuk mengelak diperalatkan mereka yang tidak bertanggungjawab.

6. Sebelum saya meneruskan amanat pada pagi ini, tidak terlambat juga untuk saya mengalu-alukan pelantikan Anggota Suruhanjaya Baharu iaitu YBhg. Dato' Haji Adzman bin Talib, YBrs. Puan Hamsiah binti Abdullah Masri, YBrs. Dr. Mohamed bin Abu Bakar, YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub, YBhg. Dato' Mohtar bin Abd Rahman, YBrs. Dr. Nagalingam Karuppiah dan YBrs. Dr. Hajah Roziah bin Abdullah yang dilantik berkuat kuasa pada 5 Disember 2022 serta YBhg. Datuk Seri Jamil bin Rakon yang dilantik pada 11 Januari 2023. Selamat datang ke SPP dan selamat bertugas. Semoga sinergi cemerlang sebelum ini dapat diteruskan kita bersama-sama.

B : AMANAT TAHUN 2023

Hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Perubahan tampuk pemerintahan kepada Kerajaan Perpaduan, usai Pilihan Raya Umum Ke-15 pada 19 November 2022 yang lalu sepertinya tidak terlalu memberi kesan dan perubahan kepada peranan dan hala tuju semasa SPP. Bagaimanapun, saya percaya setiap daripada kita akan sentiasa bersedia dalam melaksanakan dasar-dasar baharu yang diperkenalkan oleh kabinet YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Ke-10 kerana sememangnya tugas kita sebagai penjawat awam untuk menyokong polisi *Government of The Day.*

8. Menerusi Perhimpunan pertama bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Agensi-agensi di bawahnya pada 29 November 2022 lalu, YAB Perdana Menteri menegaskan penjawat awam bertanggungjawab untuk menaikkan imej perkhidmatan awam ke tahap yang lebih tinggi tanpa mengira siapa yang menerajui Kerajaan semasa. Ini termasuk sama-sama memupuk minat dan

semangat untuk membawa islah perubahan ke arah kebaikan.

9. Penjawat Awam perlu untuk sentiasa menghormati kepentingan disiplin. Jika kita melihat kelonggaran dan kecuaian yang berlaku, segeralah kita perbaiki. Jelas Perdana Menteri lagi, untuk membina negara adalah penting untuk semua penjawat awam bersama-sama dengannya. Tidak perlu sefahaman politik tapi daripada segi profesionalisme apa yang benar mesti ditegakkan dalam pentadbiran Negara.

10. Suka juga saya ingatkan sebagai penjawat awam kita perlu dan senantiasa menjunjung integriti dan ketelusan dalam menjalankan tugas. Kerajaan memandang serius beberapa insiden melibatkan pendedahan dokumen rahsia rasmi Kerajaan kepada pihak yang tidak sepatutnya. Dalam hal ini, dapat dirumuskan bahawa berlakunya pendedahan dokumen tersebut adalah berpunca daripada pegawai awam yang kurang kepekaan dan mempunyai kepentingan peribadi dengan

membelakangkan keutamaan melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan.

11. Sehubungan itu, melalui Surat Peringatan Berhubung Kepentingan Melindungi Kerahsiaan Maklumat Kerajaan bertarikh 13 Januari 2023, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara mengingatkan mana-mana pegawai awam yang secara salah mengemukakan dokumen rahsia rasmi Kerajaan berkenaan kepada pihak yang bukan dalam perkhidmatan awam boleh ditafsirkan sebagai tidak berintegriti dan tidak beramanah serta melanggar Aku Janji Perkhidmatan Awam. Pegawai Awam tersebut boleh dikenakan tindakan perundangan atau tindakan tatatertib.

D : PERANCANGAN TAHUN 2023

Hadirin yang dikasihi sekalian,

12. Melangkah ke tahun 2023, dengan suasana pasca pandemik dan situasi sosio-ekonomi yang semakin pulih diharap semua perancangan yang telah direncanakan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Berbekalkan peruntukan sebanyak **TIGA BELAS JUTA, SERATUS SEMBILAN PULUH LAPAN RIBU DAN EMPAT RATUS LIMA PULUH RINGGIT (RM13,198,450.00) bagi tempoh setengah tahun pertama 2023, SPP komited melaksanakan perancangan dengan sebaiknya. Keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan perkhidmatan teras iaitu urusan temu duga bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) selain program turun padang mendekati komuniti pendidikan Negeri dan daerah termasuk program naziran dan konsultasi.**

- 13. Takwin temu duga telah disusun sepanjang 2023 bermula dengan temu duga Guru Interim di Sabah dan Sarawak yang telah berlangsung pada 1 dan 2 Februari 2023 lalu melibatkan 3,236 calon secara bersemuka. Urusan temu duga ini merupakan urusan bagi tahun 2022 yang tertangguh kerana kekangan masa sepanjang tahun tersebut.**
- 14. Urusan temu duga seterusnya dirancang bermula pada akhir Februari sehingga Mac 2023 yang melibatkan calon-calon daripada kalangan Guru Kontrak dan pelajar-pelajar tajaan KPM. Temu duga ini juga merupakan sebahagian daripada urusan tahun 2022 yang ditunda ke tahun 2023 kerana kekangan masa. Tahun 2023 dijangka akan kekal menjadi tahun yang mencabar bagi urusan pengambilan. Hal ini kerana dijangkakan jumlah kekosongan jawatan akan bertambah lantaran banyak kekosongan jawatan yang tidak dapat diisi pada tahun 2022 disebabkan kekurangan calon.**

- 15. Sesi libat urus Sesi libat urus dengan KPM, KPT dan agensi-agensi berkepentingan yang lain juga akan sentiasa diadakan sepanjang 2023 bagi memastikan urusan pengambilan berjalan lancar dan SPP dapat memenuhi keperluan agensi-agensi melalui pelantikan bakat terbaik ke dalam perkhidmatan Pendidikan. Taklimat persediaan kepada graduan tahun akhir ijazah pendidikan juga akan diteruskan bagi memastikan para graduan mendapat maklumat yang tepat berkaitan dengan urusan pengambilan dan pelantikan sebagai anggota perkhidmatan pendidikan seterusnya dapat mempersiapkan mereka menghadapi temu duga sepanjang tahun 2023.**
- 16. Program turun padang seperti Program Bersepadu juga akan diteruskan pada tahun ini. Inisiatif ini bagi memastikan pelanggan dan pemegang taruh dapat berkomunikasi secara berkesan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pendidikan negara. Perancangan Program Bersepadu SPP yang paling hampir difahamkan akan dianjurkan sekitar pertengahan bulan Mac ini.**

17. Tahun ini juga SPP dijangka akan melancarkan Pelan Strategik 2021 – 2025 yang bakal menjadi sumber rujukan bagi penetapan hala tuju SPP dengan lima (5) teras strategik yang menjadi asas bagi perancangan dasar, pelaksanaan program dan pembangunan SPP dalam tempoh lima (5) tahun. Penggubalan Pelan Strategik ini merupakan satu usaha untuk memastikan bahawa misi dan visi SPP adalah selaras dengan agenda kebangsaan khususnya RMKe-12 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

18. Saya ingin menarik perhatian tuan/puan kepada skrin. Lima (5) teras strategik yang direncanakan adalah:

- a. TERAS 1: Pencarian bakat Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang Berkebolehan dan berprestasi Tinggi;**
- b. TERAS 2: Pengukuhan Urusan Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan;**
- c. TERAS 3 : Pemantapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);**

**d. TERAS 4 : Pembudayaan Penyampaian
Perkhidmatan yang Efisien dan Berkualiti; dan**

**e. TERAS 5 : Pemerkasaan Tadbir Urus Ke Arah
Kecemerlangan Organisasi.**

- 19. Tahun 2023 merupakan tahun yang ketiga dalam merealisasikan perancangan, program dan pembangunan Pelan Strategik SPP. Diharapkan agar semua Warga SPP agar dapat memberikan sokongan dan komitmen padu dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan berlandaskan perancangan yang dibangunkan ini bagi memastikan SPP kekal sebagai Pihak Kuasa Melantik (PBM) yang berwibawa dan mampan.**
- 20. Menarik juga pada tahun ini, SPP turut dalam usaha membuat persiapan bagi Sambutan Jubli Emas, 50 Tahun penubuhan SPP. Saya juga difahamkan pelbagai perancangan akan dirangka untuk kita sama-sama menginjak kemuncak sambutan pada 1 Januari 2024. Saya amat berharap semua Warga SPP dapat menyokong**

apa jua perancangan termasuk penyertaan dalam aktiviti-aktiviti yang direncanakan.

E : PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

21. Seiring dengan visi dan misi SPP yang terkini iaitu VISI SPP SEBAGAI PIHAK BERKUASA MELANTIK YANG BERWIBAWA DAN MAMPAN BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN serta MISI SPP IAITU MELANTIK BAKAT YANG TERBAIK BERTERASKAN SISTEM PENGURUSAN YANG HOLISTIK, saya berharap semua warga SPP bersama-sama meneruskan tanggung jawab kita melaksanakan tugas-tugas dengan lebih efektif dan peka dengan kehendak ataupun ekspektasi pemegang taruh serta pihak berkepentingan.

22. Sebagaimana yang kita ketahui, cabaran dalam perkhidmatan awam sekarang semakin mencabar dengan sasaran Kerajaan Perpaduan sedia ada yang memberi fokus untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan negara yang progresif, inklusif, majmuk serta

bersatu-padu. Susulan itu, ini bagi memberi peluang kepada kita menambah baik lagi mutu dan kualiti perkhidmatan kita kepada pemegang taruh, para pelanggan dan rakan strategik SPP.

- 23. Sebagai contoh yang ada kaitan dengan SPP adalah urusan pengambilan iaitu mengambil bakat yang terbaik dalam sektor pendidikan. Cabaran kerjaya pendidik ataupun guru hari ini bukan sahaja menjadi guru di sekolah, tetapi juga menjadi agen perubahan kepada masyarakat khususnya anak murid mereka menyediakan dunia yang penuh mencabar pada abad ke-21. Oleh itu, SPP perlu memastikan calon-calon yang bakal dilantik kelak memenuhi kriteria-kriteria yang ditentukan oleh KPM dan akhirnya dapat melaksanakan tugas dengan cemerlang dan berjiwa pendidik.**
- 24. Saya ingin menyatakan semula amanat dan hasrat YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyeru setiap penjawat awam perlu mempersiapkan diri menghadapi masa depan. Tegas YAB Perdana Menteri, dalam sejarah negara, kerajaan silih berganti**

namun penjawat awam adalah sebagai tunggak mentadbir kekal mengangkat sistem dan pentadbiran. Oleh itu, mari lah kita bersama-sama menyahut seruan YAB PM agar semua penjawat awam bersama-sama membawa semangat perubahan agar negara dapat kembali ke era kegemilangannya.

**25. Dengan itu, Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.**